

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 JANUARY 2017

Lanun digital rompak karya intelek

BH - 15/1/2017

➔ Hasil kreativiti pengkarya seni dijadikan 'karya peribadi' selepas dimuat naik ke media sosial

Oleh Hafizah Iszahanid dan Siti Haliza Yusop
bhsastera@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Perkembangan teknologi digital membuka jalan untuk pihak tidak bertanggungjawab 'merompak' pelbagai hasil karya intelek milik orang lain.

Bukan sahaja pelbagai bahan berita yang disiarkan oleh apa juga media, termasuk media arus perdana dimuat naik dan dijadikan 'karya peribadi' secara sesuka hati, hasil kreativiti pengkarya seni dan sastra seperti penulis novel turut menjadi mangsa.

Ia dimuat naik dalam bentuk digital ke aplikasi media sosial selain perbitan semula keseluruhan atau sebahagian karya tanpa izin di Facebook atau blog secara sewenang-wenangnya untuk tujuan perkongsian secara percuma, sekali gus melanggar Akta Hak Cipta 1987.

Kegiatan lanun digital menyebabkan jualan buku merosot 30 peratus.

Antara yang pernah menjadi mangsa ialah novelis popular tanah air, Siti Rosmizah Semail yang mengakui pelanggaran hak cipta kini sudah dianggap perkara biasa, malah beliau sendiri mengalaminya sehingga terpaksa membuat laporan polis.

Pengarah Bahagian Hakcipta, Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Muhamad Fairuz Mohd Pilus mengakui, pengkarya masa kini berdepan cabaran lebih hebat berikutan perkembangan teknologi sehingga

banyak karya dimuat naik tanpa kebenaran.

"Kini, mereka tidak lagi boleh hanya pandai berkarya, sebaliknya wajib melengkapkan diri dengan ilmu pengurusan karya itu sendiri. Jika ada cetak rompak, plagiat atau muat naik karya secara haram, penulis selaku pemilik hak cipta boleh mulakan tindakan sendiri.

Hantar notis


"Mereka boleh hantar notis kepada pengendali atau pemilik laman web dan aplikasi berkenaan. Mulakan dengan menghantar notis meminta diturunkan karya yang dimuat naik secara haram itu.

"Jika ingkar, tindakan boleh diambil mengikut peruntukan undang-undang jenayah," katanya.

Beliau berkata, penulis juga boleh membuat laporan kepada Jabatan Siasatan Jenayah Komersil dan MyIPO yang akan memberi khidmat nasihat berkaitan, namun tindakan serbuan akan dilakukan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

"Berdasarkan perkembangan semasa, persatuan penulis juga perlu ubah gaya dalam berpersatuan, tidak hanya berlegar hal persatuan, sebaliknya bangkit berjuang untuk kepentingan penulis dan memberi kesedaran mengenai hak cipta.

"Persatuan juga boleh mendapat keuntungan dalam pasaran jual beli hak cipta membabitkan ahli mereka," katanya sambil mengingatkan lanun digital, alasan kurang pengetahuan mengenai akta hak cipta tidak boleh digunakan untuk menerbitkan kem-



Akta Hak Cipta 1987 (Pindaan 1997)

→ **Melindungi** enam jenis karya; sastra, muzik, seni, filem, rakaman bunyi, siaran.

→ **Dipinda pada** 1997 berikutan masalah pemindahan karya hak cipta melalui internet.

→ **Antara ciri** unik, peruntukan waran dikeluarkan bagi pegawai polis memasuki rumah, premis pada bila-bila masa untuk mencari, menggeldah, sita apa-apa salinan pelanggaran hak cipta.

bali secara haram karya yang dilindungi undang-undang," katanya.

MyIPO wujud kaedah baharu rekod karya

Katanya, sejak 2012, MyIPO mewujudkan kaedah untuk merekodkan setiap karya yang dihasilkan menerusi program Pemberitahuan Suka-rela Hak Cipta dengan setiap karya dikelaskan mengikut tujuh genre, iaitu sastra yang menjadi genre paling tinggi direkodkan, selain seni, muzik, rakaman bunyi, filem, siaran dan terbitan.

"Program ini umpama mendaftar kelahiran anak, akan ada sijil kelahiran. Program ini membolehkan pemilik hak cipta menggunakannya sebagai keterangan prima facie dalam membuktikan pemilikan karya hak cipta masing-masing," katanya.

Beliau berkata, program sedemikian tidak asing di negara maju malah menjadi ikutan di beberapa negara

Asia seperti China yang merekodkan lebih tiga juta karya setahun dan Korea Selatan dengan 200,000 karya setahun.

"Hak cipta bukan hanya karya sastra, tetapi juga seni, artifak, muzik, skrip dan sebagainya. Di China, kesungguhan mereka dalam hak cipta menyaksikan hampir setiap wilayah, misalnya Shanghai dan Guangzhou memiliki pusat perdagangan khusus untuk hak cipta.

"Pusat perdagangan ini berurusan setiap hari bukan membabitkan urusan jualan hak cipta untuk pasaran tempatan, bahkan turut dikunjungi oleh pedagang dari luar China," katanya.